



LATIHAN PENGUKUHAN PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

NILAI - KESEDERHANAAN

 **LIVEWORKSHEETS**

ZON AKTIVITI

13.1 Amalan kesederhanaan dalam hidup berjiran.

Buku Teks: Halaman 111 – 120

- A Lukiskan simbol 😊 pada sikap bersederhana terhadap jiran dan simbol ☹️ pada sikap yang tidak sepatutnya. TP 1

1	Sumi bercakap dengan suara yang kuat dan mengganggu jiran-jirannya.	😊	☹️
2	Jihan menolak ajakan jirannya dengan baik untuk ke pekan kerana tiada orang di rumahnya.	😊	☹️
3	Puan Nina menanam pokok bunga dengan banyak sehingga mengganggu pemandangan jirannya.	😊	☹️
4	Suzana berasa cemburu dengan jirannya yang telah membuat rumah yang lebih besar daripada rumahnya.	😊	☹️
5	Dian membeli sebuah buku cerita dengan harga yang berpatutan untuk diberikan kepada anak jirannya.	😊	☹️
6	Rahmad dan Sarjit tidak membuat bising ketika bermain di rumah Alan kerana adik kecil Alan sedang tidur.	😊	☹️
7	Sewaktu menghadiri majlis hari jadi Susanti, Maria membawa balik semua makanan yang disediakan.	😊	☹️
8	Ibu sentiasa menolong Mak Cik Janet membeli barang di kedai kerana Mak Cik Janet sudah tidak larat untuk berjalan ke kedai.	😊	☹️
9	Zaidi membaiki kereta jirannya dengan mengenakan bayaran yang tinggi.	😊	☹️
10	Ibu menolong Mak Cik Suraya menjaga anaknya sewaktu dia hendak melahirkan anak keduanya di hospital.	😊	☹️

Tahap
Penguasaan

1

Menyalakan contoh amalan kesederhanaan dalam hidup berjiran.

☐ Menguasai

☐ Belum menguasai

S.P. 13.1 Memberikan contoh amalan kesederhanaan dalam hidup berjiran.

B Tandakan (✓) pada sikap yang berkaitan dengan kesederhanaan. **TP 2**

- | | | | |
|---|---|-------------------------------------|--------------------------|
| 1 | Fimi menjamah serba sedikit juadah semasa jamuan hari lahir jirannya. | ☒ | ☐ |
| 2 | Syamil berbelanja berlebih-lebihan untuk pembelian hadiah sempena hari sukaneka kawasan kejirannya. | ☒ | ☐ |
| 3 | Ibu hanya membeli barang keperluan yang penting sahaja semasa pergi ke pasar raya. | ☒ | ☐ |
| 4 | Darren meminta rakannya membeli barang permainan yang agak mahal sempena hari lahirnya kelak. | ☒ | ☐ |
| 5 | Fei Yong menggunakan air dengan berhemah semasa menyiram pokok bunga. | ☒ | ☐ |
| 6 | Puan Mona suka menunjuk-nunjuk barang berjenama yang dibeli kepada jiran-jirannya. | ☒ | ☐ |

C Warnakan petak jawapan yang betul. **TP 3**

- | | | | |
|---|---|----|-------|
| 1 | Kita perlu sentiasa bersederhana dalam menjalani kehidupan kita demi memelihara hubungan baik sesama jiran. | YA | TIDAK |
| 2 | Mikail menonton televisyen di rumah Salim hingga larut malam sehingga mengganggu masa rehat ibu bapa Salim. | YA | TIDAK |
| 3 | Nandini telah menggunakan buku lukisan jirannya tanpa menggantikannya semula sehinggakan jirannya terpaksa membeli buku lukisan baharu. | YA | TIDAK |
| 4 | Gayathri memberikan sedikit wang simpanan kepada jirannya yang baru sahaja ditimpa musibah agar beban mereka dapat diringankan. | YA | TIDAK |
| 5 | Encik Don segera menamatkan panggilan telefon kerana jirannya juga sedang beratuf untuk menggunakan telefon awam. | YA | TIDAK |

Tahap Penguasaan	2	Menerangkan cara bersikap sederhana dalam hidup berjiran.
---------------------	----------	---

☐ Menguasai	☐ Belum menguasai
---------------------------------	---------------------------------------

Tahap Penguasaan	3	Menghubungkan amalan kesederhanaan dalam hidup berjiran dengan kelebihannya.
---------------------	----------	--

☐ Menguasai	☐ Belum menguasai
---------------------------------	---------------------------------------

S.P. 13.2 Memerihalkan cara bersikap sederhana dalam hidup berjiran.

S.P. 13.3 Mengenal pasti kelebihan amalan kesederhanaan dalam hidup berjiran.